

TEKS UCAPAN ALUAN

**YANG BERBAHAGIA
PROF. EMERITUS DATUK DR. RADUAN CHE ROSE
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI**

**SEMPENA
KONVENSYEN LITERASI KEWANGAN BELIA
PERINGKAT KEBANGSAAN 2023
BERTEMAKAN
"TRANSFORMASI DIRI: MEMUPUK KEUPAYAAN
LITERASI KEWANGAN BELIA"**

10 OKTOBER 2023 | SELASA | 3.00 PETANG

**DEWAN BERLIAN, UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM, SELANGOR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAHI ROBBIL 'AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL
ANBIYAAI WAL MURSALIIN
WA 'ALAAALIHI WASOHBIBI AJMA'IN.**

- **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi**
Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah;
- **Yang Berhormat Hannah Yeoh**
Menteri Belia dan Sukan;
- **Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Haswandi Haji Ahmad**
Ketua Pengarah
Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) Kementerian Belia dan Sukan (KBS);
- **Yang Berbahagia Dato' Haji Noor-Ihsan Haji Che Mat**
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) Kementerian Belia dan Sukan (KBS);

- **Yang Berusaha Dr. Haji Hanafi Harun**
Timbalan Ketua Pengarah (Kecemerlangan)
Institut Pembangunan dan Kecemerlangan
Kepimpinan (i-LEAD) Kementerian Belia dan Sukan;
- **Yang Berbahagia Prof. Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi**
Timbalan Naib Canselor UiTM
Hal Ehwal Pelajar;
- **Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr Norazah Abd Rahman**
Timbalan Naib Canselor UiTM
Penyelidikan dan Inovasi;
- **Yang Berbahagia Prof. Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman**
Rektor
UiTM Cawangan Selangor;
- **Yang Berusaha Tuan Haji Muhamad Nizam Noordin**
Pendaftar UiTM;
- **Yang Berusaha Prof. Dr. Firdaus Abdullah**
Dekan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM;
- Barisan Pengurusan Kanan Universiti;
- Barisan Pegurusan Kanan i-Lead, KBS;

- Wakil dari rakan-rakan Industri, Komuniti dan Alumni, serta seluruh warga UiTM dan i-Lead KBS yang bersama kita pada hari ini;
- Hadirin yang saya hormati sekalian.

[Salutasi - kemas kini berdasarkan kehadiran]

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
selamat sejahtera, dan salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita semua dapat berkumpul dalam mengimarahkan **Konvensyen Literasi Kewangan Belia Peringkat Kebangsaan 2023** ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah yang hadir bagi merasmikan Konvensyen Literasi Kewangan Belia Peringkat Kebangsaan 2023 dengan tema "Transformasi Diri: Memupuk Keupayaan Literasi Kewangan Belia."

3. Saya juga mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan

dan mengucapkan terima kasih kerana memberi kepercayaan kepada UiTM untuk bersama-sama mengendalikan dan menguruskan Konvensyen Literasi Kewangan Belia Peringkat Kebangsaan 2023 pada hari ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Untuk makluman, konvensyen ini dihadiri oleh pegawai muda sektor awam, eksekutif muda sektor swasta serta pelajar di institusi pengajian tinggi dari sekitar negeri Selangor. Perkongsian yang terhasil dari Konvensyen ini dapat melebar luas kepentingan kebijaksanaan literasi kewangan dalam kalangan belia khususnya agar lebih arif dalam tatacara pengurusan kewangan peribadi.

5. Sebagai institusi pendidikan yang menitikberatkan pengalaman pembelajaran yang menghubungkan teori dan praktis dalam penyelesaian permasalahan sebenar, UiTM yakin Konvensyen seperti ini dapat memberi pendedahan kepada komuniti tentang ilmu berkaitan kewangan

- dan kesedaran tentang kepentingan menguruskan kewangan.
6. Melalui kekuatan kepakaran dalam bidang pengurusan perniagaan dan kewangan yang dimiliki, UiTM sangat komited dan terkedepan untuk memupuk pemahaman literasi kewangan dalam kalangan pelajar serta alumni.
 7. Sehubungan dengan itu, melalui perkongsian kesepakatan antara Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM bersama IPTA yang lain dan pasukan Bahagian Dasar dan Strategik KBS telah berjaya menghasilkan Resolusi Literasi Kewangan yang boleh dimanifestasi menjadi dasar di peringkat kebangsaan.
 8. Kerjasama antara rakan strategik begini pastinya, dapat meningkatkan literasi pengurusan kewangan dan keusahawanan, yang mana ia merupakan satu kriteria penting yang harus dimiliki oleh belia bagi menjamin perkembangan sosioekonomi yang pesat

dalam pembangunan negara selari dengan konsep Malaysia Madani.

9. Saya berharap agar para peserta dapat mengaplikasikan ilmu hasil perkongsian yang bermanfaat bagi merancang kewangan dengan lebih strategik. Pengurusan kewangan yang lebih bersistematik akan membawa kepada gaya hidup seimbang dan selesa.

Hadirin sekalian,

10. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak, khususnya Pejabat Industri Komuniti dan Alumni UiTM serta Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM yang berganding bahu serta bertungkus-lumus dalam menjayakan Konvensyen Literasi Kewangan Belia Peringkat Kebangsaan 2023.
11. Semoga usaha dan kesungguhan kalian mendapat rahmat Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

**Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**